

27/09/2000

52 negara sertai persidangan

KUALA LUMPUR, Selasa Lima puluh dua negara menghantar wakil untuk menyertai persidangan antarabangsa pertama mengenai panduan haji yang akan diadakan di Palace Of The Golden Horses di sini dari 30 September hingga 2 Oktober ini.

Menurut Penasihat Khas Menteri Haji Arab Saudi Prof Dr Abu Bakar Bageder yang juga setiausaha agung persidangan perwakilan itu termasuk 20 menteri dari negara-negara Islam.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka merasmikan persidangan yang julung kali diadakan manakala Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, merasmikan majlis penutupnya.

Prof Dr Bageder yang berada di negara ini sejak 23 September lalu untuk menyelaras persiapan persidangan berkata empat kertas kerja dari Jordan, Turki, Senegal dan Malaysia akan dibentangkan.

"Kertas kerja ini mengenai pengalaman negara terbabit dalam urusan dan pengendalian haji," katanya.

Menurutnya Malaysia adalah antara beberapa negara yang menunjukkan kecemerlangan dan boleh dijadikan contoh dalam urusan dan pengendalian jemaah haji.

"Kita mahu negara-negara Islam lain berkongsi pengalaman ini supaya urusan haji dapat diperbaiki dari semasa ke semasa," katanya.

Beliau menegaskan adalah penting jemaah haji mendapat panduan dan pengetahuan yang cukup mengenai ibadat haji dan urusan berkaitan dengannya supaya mereka mendapat haji mabrur.

Kerajaan Arab Saudi yang menjadi penjaga mutlak kedua-dua kota suci Makkah dan Madinah sentiasa berusaha menyediakan perkhidmatan dan kemudahan sebaik mungkin untuk jemaah haji yang membuat haji dan umrah di Tanah Suci.

Sempena persidangan ini, satu pameran mengenai ibadat haji dan Tanah Suci akan diadakan di lobi hotel berkenaan dan ia dibuka kepada orang ramai.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman dan Menteri Haji Arab Saudi Dr Ayad Ameen Madani akan merasmikannya selain Pusat Media di situ.

Selepas tamat persidangan, perwakilan akan dibawa melawat Melaka untuk melihat sendiri kursus haji yang diadakan di Masjid Al-Azim dan Masjid Alor Gajah.

Mereka juga akan dibawa melawat Bangunan Tabung Haji untuk meninjau kegiatan lembaga itu termasuk Galeri Pamerannya.

(END)